TAKAFULmalaysia MyBulletin

| Publication | Berita Harian | Section / Page | | Date | 11/4/2022 |
|---|---|---|---|---|---|
| Headline | STMAB Ringkasan Kewangan | | | | |

TAKAFULmalaysia

# SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA AM BERHAD

201701032316 (1246486-D) (Diperbadankan di Malaysia)

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2021

| | <------ 2021 | ------ | ------> | <------ 2020 | ------ | ------> |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pengendali Takaful RM'000 | Takaful Am RM'000 | Syarikat RM'000 | Pengendali Takaful RM'000 | Takaful Am RM'000 | Syarikat RM'000 |
| **ASET** | | | | | | |
| Hartanah dan peralatan | 1,859 | - | 3,379 | 3,660 | - | 5,140 |
| Aset hak kegunaan | - | - | 6,990 | - | - | 6,960 |
| Hartanah pelaburan | - | 10,710 | 2,200 | - | 10,640 | 2,200 |
| Aset tidak ketara | 5,243 | - | 5,243 | 6,131 | - | 6,131 |
| Pelaburan lain | 252,382 | 403,187 | 655,569 | 168,444 | 346,576 | 515,020 |
| Aset retakaful | - | 709,472 | 709,472 | - | 570,549 | 570,549 |
| Aset cukai tertunda | 46,881 | - | 46,881 | 37,679 | - | 37,679 |
| Aset cukai semasa | - | - | - | 7,742 | - | 7,742 |
| Pinjaman dan penerimaan, tidak termasuk penerimaan takaful | 251,050 | 592,292 | 812,634 | 283,390 | 512,279 | 773,917 |
| Penghutang Takaful | - | 140,772 | 140,772 | - | 125,323 | 125,323 |
| Tunai dan bersamaan tunai | 23,087 | 46,451 | 69,538 | 12,482 | 56,589 | 69,071 |
| **JUMLAH ASET** | 580,502 | 1,902,884 | 2,452,678 | 519,528 | 1,621,956 | 2,119,732 |
| **EKUITI DAN LIABILITI** | | | | | | |
| Modal saham | 100,000 | - | 100,000 | 100,000 | - | 100,000 |
| Rizab | 259,948 | - | 259,948 | 204,201 | - | 204,201 |
| **Jumlah ekuiti boleh diagih kepada pemilik Syarikat** | 359,948 | - | 359,948 | 304,201 | - | 304,201 |
| **LIABILITI** | | | | | | |
| Liabiliti kontrak Takaful | - | 1,594,267 | 1,594,267 | - | 1,394,517 | 1,394,517 |
| Rizab perbelanjaan | 162,128 | - | 162,128 | 164,172 | - | 164,172 |
| Pembayaran Takaful | 10,852 | 219,737 | 230,589 | 10,252 | 136,798 | 147,050 |
| Pembayaran lain | 44,024 | 88,084 | 101,400 | 40,903 | 80,690 | 99,841 |
| Liabiliti cukai semasa | 3,550 | 796 | 4,346 | - | 9,951 | 9,951 |
| **JUMLAH LIABILITI** | 220,554 | 1,902,884 | 2,092,730 | 215,327 | 1,621,956 | 1,815,531 |
| **JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI** | 580,502 | 1,902,884 | 2,452,678 | 519,528 | 1,621,956 | 2,119,732 |

## PENYATA UNTUNG RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

| | <------ 2021 | ------ | ------> | <------ 2020 | ------ | ------> |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pengendali Takaful RM'000 | Takaful Am RM'000 | Syarikat RM'000 | Pengendali Takaful RM'000 | Takaful Am RM'000 | Syarikat RM'000 |
| **Hasil operasi** | 15,115 | 947,383 | 962,423 | 15,654 | 858,609 | 874,156 |
| **Pendapatan pengendali Takaful** | 370,522 | - | - | 349,564 | - | - |
| Caruman diperoleh kasar | - | 878,668 | 878,655 | - | 756,544 | 756,498 |
| Caruman disid kepada retakaful | - | (391,222) | (391,222) | - | (319,313) | (319,313) |
| **Caruman diperoleh bersih** | - | 487,446 | 487,433 | - | 437,231 | 437,185 |
| Pendapatan pentadbiran | - | 98,318 | 98,318 | - | 81,593 | 81,593 |
| Pendapatan pelaburan atas aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama melalui untung rugi | 14,162 | 29,500 | 43,662 | 14,699 | 30,215 | 44,914 |
| Pendapatan pelaburan - lain-lain | 953 | 78 | 969 | 955 | 456 | 1,350 |
| Keuntungan direalisasi | 726 | 387 | 1,113 | - | 2,486 | 2,486 |
| Nilai saksama untung rugi | (508) | 70 | (508) | 188 | (151) | 17 |
| Pembalikan kerugian rosot nilai instrumen kewangan | - | - | - | (1) | 202 | 201 |
| Pendapatan operasi lain | 916 | 41 | 957 | 789 | 253 | 1,042 |
| **Pendapatan lain** | 16,249 | 128,394 | 144,511 | 16,630 | 115,054 | 131,603 |
| Manfaat dan tuntutan kasar dibayar | - | (304,099) | (304,099) | - | (254,159) | (254,159) |
| Tuntutan disid kepada retakaful | - | 146,410 | 146,410 | - | 108,762 | 108,762 |
| Perubahan kasar kepada liabiliti kontrak | - | (165,821) | (165,821) | - | (168,886) | (168,886) |
| Perubahan dalam liabiliti kontrak disid kepada retakaful | - | 110,812 | 110,812 | - | 161,127 | 161,127 |
| **Manfaat dan tuntutan bersih** | - | (212,698) | (212,698) | - | (153,156) | (153,156) |
| Perbelanjaan yuran wakalah | - | (338,933) | - | - | (318,808) | - |
| Yuran pentadbiran | (80,896) | - | (80,896) | (75,272) | - | (75,272) |
| Rizab perbelanjaan | 2,044 | - | 2,044 | (7,080) | - | (7,080) |
| Perbelanjaan pengurusan | (142,796) | - | (143,137) | (118,464) | - | (118,752) |
| Kerugian rosot nilai instrumen kewangan | (6) | (3,726) | (3,732) | - | - | - |
| Perbelanjaan operasi lain | (13,369) | (653) | (14,022) | (13,816) | (690) | (14,506) |
| **Perbelanjaan lain** | (235,023) | (343,312) | (239,743) | (214,632) | (319,498) | (215,610) |
| **Jumlah keuntungan bagi tahun** | 151,748 | 59,830 | 179,503 | 151,562 | 79,631 | 200,022 |
| Keuntungan boleh diagih kepada pengendali/peserta Takaful | - | (59,830) | (27,755) | - | (79,631) | (48,460) |
| **Keuntungan sebelum zakat dan cukai** | 151,748 | - | 151,748 | 151,562 | - | 151,562 |
| Zakat | (600) | - | (600) | (600) | - | (600) |
| Perbelanjaan cukai | (29,440) | - | (29,440) | (37,708) | - | (37,708) |
| **Keuntungan bagi tahun** | 121,708 | - | 121,708 | 113,254 | - | 113,254 |
| **Pendapatan komprehensif lain, bersih cukai** | | | | | | |
| **Item yang mungkin kemudiannya diklasifikasi kepada untung rugi** | | | | | | |
| Pelaburan hutang diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI") | | | | | | |
| - perubahan bersih dalam nilai saksama | (5,961) | (16,518) | (22,479) | 2,061 | 6,553 | 8,614 |
| - diklasifikasi semula kepada untung rugi | - | (387) | (387) | - | (2,486) | (2,486) |
| Pendapatan komprehensif lain boleh diagih kepada peserta | - | 16,905 | 16,905 | - | (4,067) | (4,067) |
| Jumlah pendapatan komprehensif lain bagi tahun | (5,961) | - | (5,961) | 2,061 | - | 2,061 |
| **Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun** | 115,747 | - | 115,747 | 115,315 | - | 115,315 |

## PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

| | <------- Boleh diagih kepada pemilik Syarikat | | | -------> |
|---|---|---|---|---|
| | <-- Tidak boleh diagih | --> | Boleh diagih | |
| Syarikat | Modal Saham RM'000 | Rizab Nilai Saksama RM'000 | Pendapatan Tersimpan RM'000 | Jumlah Ekuiti RM'000 |
| **Pada 31 Disember 2019 / 1 Januari 2020** | 100,000 | 5,545 | 143,341 | 248,886 |
| Nilai saksama pelaburan hutang diukur pada FVOCI | - | 2,061 | - | 2,061 |
| Pendapatan komprehensif lain bagi tahun | - | 2,061 | - | 2,061 |
| Keuntungan bagi tahun | - | - | 113,254 | 113,254 |
| **Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun** | - | 2,061 | 113,254 | 115,315 |
| *Caruman oleh dan pengagihan kepada pemilik pemilik Syarikat* | | | | |
| - Dividen kepada pemilik Syarikat | - | - | (60,000) | (60,000) |
| **Jumlah urusniaga dengan pemilik Syarikat** | - | - | (60,000) | (60,000) |
| **Pada 31 Disember 2020 / 1 Januari 2021** | 100,000 | 7,606 | 196,595 | 304,201 |
| Nilai saksama pelaburan hutang diukur pada FVOCI | - | (5,961) | - | (5,961) |
| Pendapatan komprehensif lain bagi tahun | - | (5,961) | - | (5,961) |
| Keuntungan bagi tahun | - | - | 121,708 | 121,708 |
| **Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun** | - | (5,961) | 121,708 | 115,747 |
| *Caruman oleh dan pengagihan kepada pemilik Syarikat* | | | | |
| - Dividen kepada pemilik Syarikat | - | - | (60,000) | (60,000) |
| **Jumlah urusniaga dengan pemilik Syarikat** | - | - | (60,000) | (60,000) |
| **Pada 31 Disember 2021** | 100,000 | 1,645 | 258,303 | 359,948 |

## PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

| | 2021 RM'000 | 2020 RM'000 |
|---|---|---|
| **Aliran tunai daripada aktiviti operasi** | | |
| Keuntungan sebelum zakat dan cukai | 151,748 | 151,562 |
| Pelarasan bagi: | | |
| Pelunasan aset tidak ketara | 1,179 | 458 |
| Susut nilai hartanah dan pelaburan | 2,028 | 1,911 |
| Susut nilai aset hak kegunaan | 401 | 379 |
| Perubahan nilai saksama melalui untung rugi aset kewangan | 508 | (17) |
| Keuntungan daripada sekuriti hutang Islam dan akaun pelaburan | (44,640) | (46,597) |
| Keuntungan daripada kertas Islam Kerajaan Malaysia | (1,177) | (710) |
| Pelunasan premium, bersih tambahan diskaun | 1,202 | 987 |
| Keuntungan daripada pelupusan pelaburan hutang pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain | (1,113) | (2,486) |
| Kerugian rosot nilai/(pembalikan semula rosot nilai) instrumen kewangan | 3,732 | (201) |
| Keuntungan operasi sebelum perubahan dalam modal kerja | 113,868 | 105,286 |
| Keuntungan daripada sekuriti hutang Islam, akaun pelaburan dan kertas Islam Kerajaan Malaysia | 42,242 | 43,697 |
| Pembelian pelaburan | (188,948) | (48,099) |
| Kutipan daripada jualan pelaburan | 16,045 | 19,559 |
| Kematangan pelaburan lain | 10,000 | 38,718 |
| Peningkatan dalam aset retakaful | (138,923) | (184,276) |
| Peningkatan dalam penerimaan | (55,867) | (222,459) |
| Peningkatan dalam liabiliti kontrak Takaful | 214,721 | 274,921 |
| Peningkatan dalam pembayaran | 88,462 | 58,323 |
| | 101,600 | 85,670 |
| Zakat dibayar | (70) | (16) |
| Cukai pendapatan dibayar | (40,560) | (39,000) |
| **Tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi** | 60,970 | 46,654 |
| **Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan** | | |
| Pembelian hartanah dan peralatan | (212) | (1,000) |
| Pembelian aset tidak ketara | (291) | (6,544) |
| **Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan** | (503) | (7,544) |
| **Aliran tunai daripada aktiviti kewangan** | | |
| Dividen dibayar kepada pemilik Syarikat | (60,000) | (60,000) |
| **Tunai bersih digunakan dalam aktiviti kewangan** | (60,000) | (60,000) |
| **Peningkatan/(penurunan) bersih dalam tunai dan bersamaan tunai** | 467 | (20,890) |
| **Tunai dan bersamaan tunai pada 1 Januari** | 69,071 | 89,961 |
| **Tunai dan bersamaan tunai pada 31 Disember** | 69,538 | 69,071 |

## LAPORAN BADAN PENASIHAT SYARIAH

Kami telah mengkaji asas-asas dan kontrak yang berkaitan dengan produk yang diperkenalkan oleh Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad ("STMAB") sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2021. Kami juga telah menjalankan semakan kami untuk membentuk pendapat sama ada STMAB telah mematuhi prinsip-prinsip Syariah dan peraturan Syariah yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia.

Pengurusan STMAB bertanggungjawab memastikan supaya Syarikat menjalankan perniagaannya menurut Syariah. Tanggungjawab kami adalah untuk memberi pendapat bebas, berdasarkan kepada kajian kami mengenai operasi STMAB.

Kami telah menilai semua perkara yang dilaksanakan oleh fungsi semakan Syariah dan audit Syariah yang meliputi pemeriksaan mengikut ujian kes, setiap jenis urusniaga, dokumentasi yang berkaitannya dan prosedur yang diterima pakai oleh STMAB. Kami telah melaksanakan semakan untuk memperoleh semua maklumat dan penjelasan yang kami anggap perlu bagi menyediakan bukti yang mencukupi untuk memberi jaminan yang berpatutan bahawa tidak berlaku sebarang pelanggaran Syariah.

Pada pendapat kami:

1. kontrak dan dokumentasi berkaitan yang digunakan oleh STMAB pada tahun berakhir 31 Disember 2021 yang kami semak adalah menurut Syariah;
2. pengagihan lebihan daripada dana risiko peserta bersesuaian dengan asas yang telah kami luluskan menurut Syariah;
3. pengiraan zakat adalah menurut Syariah; dan
4. tiada pendapatan yang direalisasi daripada sumber atau cara yang dilarang oleh Syariah.

Kami, ahli Badan Penasihat Syariah STMAB, dengan ini mengesahkan bahawa operasi STMAB bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah dijalankan menurut Syariah dan kami tidak mengetahui terdapat operasi, perniagaan, hal ehwal dan aktiviti STMAB melibatkan perkara yang melanggar Syariah.

Bagi tujuan laporan ini, "ketidakpatuhan Syariah yang ketara" merujuk kepada sebarang isu pelanggaran Syariah yang memberi kesan terhadap perniagaan STMAB

*Kami hanya menjadi saksi kepada apa yang kami ketahui dan kami tidak menyedari apa yang tidak kelihatan! (terjemahan surah Yusuf, ayat 81)*

Pengerusi BPS STMAB : ........................................
**Prof. Dr. Muhamad Rahimi Osman**

Ahli BPS STMAB: ........................................
**Dr. Ahmad Sufian Che Abdullah**

Kuala Lumpur

Tarikh: 17 Februari 2022

| Publication | Berita Harian | Section / Page | | Date | 11/4/2022 |
|---|---|---|---|---|---|
| Headline | STMAB Ringkasan Kewangan | | | | |

# SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA AM BERHAD

201701032316 (1246486-D) (Diperbadankan di Malaysia)

TAKAFULmalaysia

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA AM BERHAD

Pada 17 Februari 2022, kami telah melaporkan mengenai penyata kewangan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021. Dalam laporan itu, kami menyatakan bahawa:

**"LAPORAN KE ATAS AUDIT PENYATA KEWANGAN**

**Pendapat kami**

Pada pendapat kami, penyata kewangan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad ("Syarikat") memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut, mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

**Apa yang telah kami audit**

Kami telah mengaudit penyata kewangan Syarikat, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2021 bagi Syarikat, dan penyata untung rugi dan pendapatan komprehensif lain, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan penting, seperti yang dinyatakan di muka surat 17 hingga 143.

**Asas kepada pendapat**

Kami telah melaksanakan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang telah diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut telah dihuraikan dengan lebih lanjut lagi di bawah bahagian "Tanggungjawab juruaudit bagi pengauditan penyata kewangan" di dalam laporan kami.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

**Kebebasan dan tanggungjawab etika lain**

Kami beroperasi secara bebas daripada Syarikat menurut Undang-undang Kecil (berkaitan Etika, Perilaku dan Amalan Profesional) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Antarabangsa bagi Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Bebas Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab-tanggungjawab etika lain selaras dengan Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

**Maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit**

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab terhadap maklumat yang lain. Maklumat yang lain merangkumi Laporan Pengarah, dan Laporan Badan Syariah, tetapi tidak termasuk penyata kewangan Syarikat dan laporan juruaudit kami sesudahnya.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Syarikat tidak merangkumi maklumat yang lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulannya.

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Syarikat, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat yang lain dan dalam berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat yang lain itu tidak selaras secara matan dengan penyata kewangan Syarikat atau maklumat yang kami perolehi daripada pengauditan atau sebaliknya menampakkan salah nyata matan.

Sekiranya, berasaskan kepada pengauditan yang telah kami melaksanakan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang matan dalam maklumat lain tersebut, kami dikehendaki melaporkan maklumat tersebut. Sehubungan dengan hal ini, kami tidak mempunyai sebarang maklumat untuk dilaporkan.

**Tanggungjawab para Pengarah ke atas penyata kewangan**

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Syarikat agar memberi gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia. Para Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman menurut budi bicara para Pengarah bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Syarikat yang bebas daripada salah nyata yang matan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Syarikat, para Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Syarikat untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan, menyatakan sepertimana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan perakaunan asas usaha berterusan melainkan sekiranya para Pengarah sama ada berhasrat untuk membubarkan Syarikat atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

**Tanggungjawab juruaudit ke atas audit penyata kewangan**

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang wajar sekiranya penyata kewangan Syarikat secara menyeluruh adalah bebas daripada salah nyata matan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan membentangkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang wajar merupakan satu jaminan peringkat tinggi, namun ianya bukan jaminan bahawa audit yang dilaksanakan selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengenal pasti salah nyata matan sekiranya ia wujud. Salah nyataan boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap matan sekiranya, secara individu atau agregat, ianya secara wajar dijangka boleh mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh para pengguna berasaskan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami mengamalkan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan audit. Kami juga:

(a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata matan penyata kewangan Syarikat, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan langkah-langkah audit yang responsif terhadap risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan berpatutan sebagai asas bagi pendapat kami. Risiko tidak dapat mengesan salah nyata matan disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi berbanding dengan yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, pengecualian yang disengajakan, salah nyata, atau pelangkauan kawalan dalaman.

(b) Mendapatkan kefahaman terhadap kawalan dalaman berkaitan dengan audit untuk merangka langkah-langkah audit yang sewajarnya mengikut keadaan, tetapi bukan dengan tujuan memberi pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Syarikat.

(c) Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh para Pengarah.

(d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh para Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian matan berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan terhadap keupayaan Syarikat meneruskan operasi sebagai usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian matan wujud, kami dikehendaki menyerlahkannya di dalam laporan juruaudit kami terhadap pendedahan berkaitan di dalam penyata kewangan Syarikat atau, sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan mungkin menyebabkan Syarikat menamatkan operasi sebagai usaha berterusan.

(e) Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Syarikat, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Syarikat mewakili urus niaga dasar dan peristiwa yang membolehkan pembentangan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan para Pengarah mengenai, antara lain, skop yang dirancang dan pemasaan audit dan penemuan audit penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan kami.

**PERKARA-PERKARA LAIN**

Laporan ini disediakan khusus bagi ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, sejajar dengan Seksyen 266 Akta Syarikat 2016 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain berhubung kandungan laporan ini."

Selain daripada nota-nota penyata kewangan yang tidak diterbitkan, penyata kewangan yang dihasilkan semula adalah setara dengan kesemua maklumat yang kami laporkan.

Oleh itu, untuk pemahaman yang menyeluruh terhadap kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, sila rujuk kepada penyata kewangan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021, sebagaimana dalam konteks laporan kami pada 17 Februari 2022 telah dibuat.

**PRICEWATERHOUSECOOPERS PLT**
LLP0014401-LCA & AF 1146
Akauntan-akauntan Bertauliah

**MANJIT SINGH A/L HAJANDER SINGH**
02954/03/2023 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
17 Februari 2022

NOTA: Ini adalah terjemah Bahasa Malaysia untuk penyata kewangan STMAB yang telah diaudit, yang pada asalnya telah disediakan dalam Bahasa Inggeris. Terjemahan ini telah dibuat untuk membolehkan ahli STMAB yang fasih dalam Bahasa Malaysia untuk memahami sepenuhnya penyata kewangan berkenaan. Para pembaca dinasihatkan supaya merujuk kepada versi Bahasa Inggeris untuk penyata kewangan dan pendapat juruaudit yang telah disahkan. Set lengkap penyata kewangan ini boleh didapati di laman web Syarikat di **www.takaful-malaysia.com.my**.